

51

**PENENTANGAN MALAYAN UNION DI
KELANTAN**

oleh

Wan Makhzan bt. Wan Yusoff

Latihan Ilmiah

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

(BAHAGIAN SEJARAH)

Universiti Sains Malaysia

1985/1986

ARKIB

rb
FAC895
M22M235

PENENTANGAN MALAYAN UNION DI KELANTAN

OLEH

WAN MAKHZAN BT. WAN YUSOFF

LATIHAN ILMIAH
BAHAGIAN SEJARAH
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
1985/1986

PENGHARGAAN

Wassalamu'alaikum Warrahmatullahi.

Penulis mengucapkan syukur kepada Allah kerana dengan limpah rahmatNya, penulis dapat menyiapkan Latihan Ilmiah ini dalam masa yang singkat.

buat ayah, ibu dan keluarga yang selalu mendoakan kejayaanku.

... akan Latihan Ilmiah ini penulis terutamanya berterima kasih kepada orang-orang yang telah memberi kerjasama dan pertolongan yang sangat diperikan. Penulis mengambil kesempatan ini menyampaikan penghargaan yang tidak terhingga. Pertama penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. H. Saibani sebagai penyelia yang telah memberi teguran semasa dan membina rangka pertama Latihan Ilmiah sehingga penulis dapat menyiapkan dalam bentuk yang akhir.

... ucapan terima kasih dan penghargaan yang tinggi kepada kakitangan yang sudi dituntut, pihak perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan Arkib Negara Malaysia yang banyak menyediakan bahan-bahan yang sangat berguna untuk Latihan Ilmiah ini.

... Akhirnya penulis ingin merakamkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan-rakan semua yang telah banyak memberi semangat dan pertolongan pada penulis dalam menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Semoga Allah danNya beri kebahagiaan dan kesejahteraan untuk keluarga bagi penulis dan akan tetap berbahagia.

Penulis,
Tan Sri Hassan Bt. Wan Yusoff,
Pusat Pengajian Ilmu Komputer,
Universiti Sains Malaysia,
Polisi Pulau.

Februari, 1998.

PENGHARGAAN:

Bismillahirrahmannirrahim.

Penulis mengucapkan syukur kepada Allah kerana dengan limpah rahmatNya, penulis dapat menyiapkan Latihan Ilmiah ini dalam masa yang ditentukan.

Dalam usaha menyiapkan Latihan Ilmiah ini penulis terhutang budi kepada mereka yang telah memberi kerjasama dan pertolongan yang sangat diperlukan. Penulis mengambil kesempatan ini menyampaikan penghargaan yang tidak terhingga. Pertamanya penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. R. Suntharalingam selaku penyelia yang telah memberi teguran membina dan memeriksa rangka pertama Latihan Ilmiah sehingga penulis dapat menyiapkan dalam bentuk yang akhir.

Ucapan terima kasih dan penghargaan yang tinggi kepada tokoh-tokoh yang sudi ditemubual, pihak perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan Arkib Negara Malaysia yang banyak menyediakan bahan-bahan yang sangat berguna untuk Latihan Ilmiah ini.

Akhirnya penulis ingin merakamkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan-rakan semua yang telah banyak memberi sokongan dan perangsang pada penulis dalam menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Sumbangan dan doa dari keluarga dan rakan-rakan amat berharga bagi penulis dan akan tetap dikenang.

Wan Makhzan bt. Wan Yusoff,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang.

Februari, 1986.

SINOPSIS:

Dalam membuat kajian Latihan Ilmiah berkenaan dengan penentangan Malayan Union di Kelantan ini merangkumi empat bab.

Dalam bab pertama penulis cuba memperkenalkan latar belakang kesedaran politik di Kelantan. Bermula selepas negeri Kelantan dipindahkan menjadi negeri naungan Inggeris. Tumpuan kepada penubuhan beberapa pertubuhan Melayu sehinggalah kedatangan gagasan Malayan Union. Secara umum penulis cuba menjelaskan apa dia rancangan Malayan Union dan tujuannya: Mengapa orang Melayu menentang Malayan Union dan langkah-langkah yang diambil oleh orang Melayu untuk menentang Malayan Union.

Bab kedua penulis terus memperlihatkan peranan yang diambil oleh orang Melayu Kelantan dalam usaha menolak rancangan Malayan Union. Peranan menggagalkan rancangan Malayan Union secara langsung dimainkan oleh dua buah pertubuhan Melayu iaitu Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan dan Persatuan Melayu Kelantan. Langkah-langkah yang diambil oleh kedua-dua pertubuhan tersebut seperti menganjurkan perarakan-perarakan besar-besaran, menghantar wakil-wakil berjumpa Sultan Kelantan dan juga menghantar wakil-wakil ke persidangan Kongres Kebangsaan Melayu di Kuala Lumpur.

Bab ketiga membicarakan peranan Sultan Kelantan sendiri dalam usaha menolak gagasan Malayan Union. Usaha-usaha yang diambil oleh Sultan seperti mengutus surat dan telegram ke London dan kepada Gabenor Malayan Union. Menghadiri perjumpaan dan mesyuarat antara raja-raja Melayu serta mengadakan perundingan-perundingan dengan Gabenor Malayan Union bagi pihak Kerajaan Inggeris.

Akhirnya dalam bab keempat ialah penutup dan kesimpulan. Penulis membuat kesimpulan mengenai penentangan Malayan Union oleh orang Melayu dengan sultan. Disamping itu dikemukakan suasana-suasana tertentu yang mempengaruhi perjuangan orang Melayu menentang Malayan Union dan juga golongan manakah sebenarnya yang memainkan peranan utama menentang Malayan Union.

PENDAHULUAN:

Dalam mengkaji sejarah Tanahair terutamanya yang menyentuh mengenai sejarah perkembangan politik, penubuhan Kerajaan Malayan Union merupakan peristiwa politik yang penting yang menandakan kebangkitan orang Melayu seluruh Tanah Melayu.

Rancangan Malayan Union telah mendapat tentangan dari orang Melayu seluruh Tanah Melayu. Rakyat negeri Kelantan dan Sultan Kelantan sendiri tidak ketinggalan memainkan peranan menggagalkan rancangan Kerajaan British tersebut. Malah apabila terdapat tulisan-tulisan mengenai penentangan Malayan Union di Tanah Melayu, peristiwa perarakan menentang Malayan Union di Kelantan tidak pernah ditinggalkan. Ini kerana ia merupakan perarakan yang pertama dalam siri-siri penentangan Malayan Union. Malah inilah juga yang menarik minat saya untuk mengkaji dengan lebih mendalam lagi mengenai penentangan Malayan Union di Kelantan.

TUJUAN PENGAJIAN:

Kajian yang bercorak Latihan Ilmiah ini adalah bertujuan memberi gambaran yang lebih jelas mengenai peranan orang Melayu dan Sultan Kelantan dalam usaha menggagalkan rancangan Malayan Union.

Memandangkan kajian khusus mengenai penentangan Malayan Union oleh orang Melayu dan Sultan Kelantan belum lagi dibuat dengan mendalam, penulis mengambil kesempatan ini untuk mengkaji secara khusus dan mendalam peranan yang diberikan oleh orang Melayu dan Sultan Kelantan.

Penulis berharap kajian ini dapat memberi gambaran yang lebih jelas kepada tatapan umum mengenai sumbangan orang Melayu dan Sultan Kelantan dalam mempertahankan hak dan kedudukan orang Melayu.